Interest income	4,922	396	7,724	(3,402)		9,640
Dividend income	-	-	229,775	(229,775)		-
Depreciation and amortisation	116,258	6,696	29	-		122,983
Other non-cash expenses	12,796	-	895	-	A	13,691
Segment profit	163,599	14,633	230,114	(229,775)	B	178,571
	=====	=====	=====	=====		=====
Assets:						
Additions to non-current assets	171,616	667	90	-	C	172,373
Segment assets	1,830,699	134,551	108,321	(162,179)	D	1,911,392
	=====	=====	=====	=====		=====
Segment liabilities	1,343,246	68,842	4,873	(162,194)	E	1,254,767
	=====	=====	=====	=====		=====

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS

31 DECEMBER 2012

36. Segment information (Continued)

	Port Operations RM'000	Bulking Services RM'000	Others RM'000	Consolidation Adjustments and Eliminations RM'000	Note	Per Consolidated Financial Statements RM'000
31 December 2011						
Revenue:						
External customers representing total revenue	460,920	29,217	-	-		490,137
	=====	=====	=====	=====		=====
Results:						
Interest income	6,473	377	9,835	(3,825)		12,860
Dividend income	-	-	159,250	(159,250)		-
Depreciation and amortisation	104,388	6,444	23	-		110,855
Other non-cash expenses	8,500	-	-	-	A	8,500
Segment profit	167,328	9,414	164,083	(159,250)	B	181,575
	=====	=====	=====	=====		=====
Assets:						
Additions to non-current assets	28,963	8,154	-	-	C	37,117
Segment assets	1,707,607	130,994	175,679	(79,026)	D	1,935,254
	=====	=====	=====	=====		=====
Segment liabilities	1,272,457	79,821	1,765	(79,026)	E	1,275,017
	=====	=====	=====	=====		=====

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS

31 DECEMBER 2012

36. Segment information (Continued)

- A Other material non-cash expenses consist of the following items as presented in the respective notes to the financial statements:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Provisions	13,691	8,500
	=====	=====

- B The following items are deducted from segment profit to arrive at "Profit before tax from continuing operations" presented in the consolidated statement of comprehensive income:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Dividend income	(229,775)	(159,250)
	=====	=====

- C Additions to non-current assets consist of:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Property, plant and equipment	152,742	24,660
Intangible assets	19,631	12,457
	-----	-----
	172,373	37,117
	=====	=====

- D The following items are deducted from segment assets to arrive at total assets reported in the consolidated statement of financial position:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Goodwill	15	-
Inter-segment assets	(162,194)	(79,026)
	-----	-----
	(162,179)	(79,026)
	=====	=====

- E The following items are deducted from segment liabilities to arrive at total liabilities reported in the consolidated statement of financial position:

	2012 RM'000	2011 RM'000
Inter-segment liabilities	(162,194)	(79,026)
	=====	=====

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS

31 DECEMBER 2012

37. Events occurring after the reporting date

On 27 February 2013, the Company entered into a conditional subscription agreement with State Financial Secretary, Sarawak ("SFSS") for a proposed placement of 60,000,000 new ordinary shares of RM1 each, representing 15% of the issued and paid up share capital of the Company to SFSS or its nominated wholly-owned subsidiary company. SFSS is a major shareholder of Bintulu Port Holdings Berhad.

38. Authorisation of financial statements for issue

The financial statements for the year ended 31 December 2012 were authorised for issue in accordance with a resolution of the Directors on 12 March 2013.

SUPPLEMENTARY INFORMATION

31 DECEMBER 2012

39. Supplementary information - breakdown of retained earnings into realised and unrealised

The breakdown of the retained earnings of the Group and of the Company as at 31 December 2012 into realised and unrealised profits is presented in accordance with the directive issued by Bursa Malaysia Securities Berhad dated 25 March 2010 and prepared in accordance with Guidance on Special Matter No. 1, Determination of Realised and Unrealised Profits or Losses in the Context of Disclosure Pursuant to Bursa Malaysia Securities Berhad Listing Requirements, as issued by the Malaysian Institute of Accountants.

	Group RM'000	Company RM'000
Total retained earnings of the Company and its subsidiaries		
- Realised	124,068	50,498
- Unrealised	39,607	-
	-----	-----
Retained earnings as per financial statements	163,675	50,498
	=====	=====



Penyata Kewangan *yang diaudit*

INDEKS

Muka surat

Laporan Para Pengarah	214
Penyata Para Pengarah	218
Akuan Berkanun	218
Laporan Juruaudit Bebas	219
Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif	221
Penyata-penyata Kedudukan Kewangan	222
Penyata-penyata Perubahan Dalam Ekuiti	224
Penyata-penyata Aliran Tunai	226
Nota-nota kepada Penyata-Penyata Kewangan	228
Maklumat tambahan - pecahan pendapatan terkumpul kepada direalisasikan dan tidak direalisasikan	274



PARA PENGARAH

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz
bin Wan Abdullah

Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa

Datuk Nasarudin bin Md Idris

Dato Mohammad Medan bin Abdullah

Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi
bin Zainuddin

Datuk Fong Joo Chung

Datu Hj. Abang Halimi bin Ikhwan

Datuk Hashim bin Ismail

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim

Dato' Hj. Mohamad Norza bin Hj. Zakaria

PEJABAT BERDAFTAR/TEMPAT

PERNIAGAAN UTAMA

Lot 15, Block 20, Kemena Land District
12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong
97008 Bintulu, Sarawak

JURUAUDIT

Ernst & Young

BANK

CIMB Bank Berhad

LAPORAN PARA PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan.

Aktiviti-aktiviti utama subsidiari-subsidiari dinyatakan dalam Nota 16 penyata kewangan.

Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama tersebut di sepanjang tahun kewangan ini.

KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih cukai	146,388	179,534
	=====	=====

Tidak terdapat sebarang pemindahan yang penting kepada atau daripada akaun rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang didedahkan di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan semasa tidak dipengaruhi secara besaran oleh sebarang butiran, urusaniaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa.

DIVIDEN

Amaun dividen dibayar oleh Syarikat sejak 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

	RM'000
Berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 seperti yang dilaporkan dalam Laporan Pengarah bagi tahun berkenaan	
Dividen akhir setingkat 7.50 sen sesaham dibayar pada 25 Mei 2012	30,000
Dividen khas setingkat 7.50 sen sesaham dibayar pada 25 Mei 2012	30,000
Berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012:	
Dividen interim setingkat 7.50 sesaham dibayar pada 7 Ogos 2012	30,000
Dividen interim setingkat 7.50 sesaham dibayar pada 9 Oktober 2012	30,000
Dividen interim setingkat 7.50 sesaham dibayar pada 27 Disember 2012	30,000

	150,000
	=====

LAPORAN PARA PENGARAH

DIVIDEN (Sambungan)

Para pengarah mencadang pembayaran dividen akhir setingkat sebanyak 7.50 sen sesaham ke atas 400,000,000 saham biasa, yang berjumlah RM30,000,000 dimana, jika dilulus oleh ahli-ahli pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang, akan dibayar pada 31 Mei 2013 kepada para pemegang saham yang berdaftar sebagai ahli pada penutupan perniagaan 17 Mei 2013. Penyata kewangan bagi tahun semasa tidak menggambarkan dividen yang dicadangkan. Dividen tersebut, jika dipersetujui oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti sebagai agihan ke atas keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

PARA PENGARAH

Nama Para Pengarah yang memegang jawatan dalam Syarikat sejak tarikh laporan yang lepas dan pada tarikh laporan ini adalah:

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah

Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa

Datuk Nasarudin bin Md Idris

Dato Mohammad Medan bin Abdullah

Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi bin Zainuddin

Datuk Fong Joo Chung

Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan

Datuk Hashim bin Ismail

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim

Dato' Hj. Mohamad Norza bin Hj. Zakaria

MANFAAT PARA PENGARAH

Pada akhir tahun kewangan, mahupun pada bila-bila masa sepanjang tahun, Syarikat tidak menjadi pihak kepada sebarang pengaturan yang matlamatnya ialah bertujuan membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham, atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada pengarah telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat ganjaran yang telah diterima atau belum diterima oleh para pengarah seperti dinyatakan dalam Nota 11 penyata kewangan) disebabkan oleh sesuatu kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana pengarah tersebut adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

LAPORAN PARA PENGARAH

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pegangan saham para pengarah, tiada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau badan-badan korporat yang berkaitan dengannya di sepanjang tahun kewangan ini.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- a) Sebelum penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah mengambil langkah sewajarnya:
 - i) untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuashati bahawa tiada sebarang hutang lapuk diketahui dan tiada peruntukan perlu dibuat untuk hutang ragu; dan
 - ii) untuk memastikan bahawa aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasi nilainya seperti ditunjuk dalam rekod-rekod perakaunan dalam urusan perniagaan biasa telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh direalisasi.
- b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:
 - i) keperluan untuk menghapuskirakan hutang lapuk atau membuat peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; dan
 - ii) nilai berkaitan aset semasa di dalam penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mengelirukan.
- c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
 - i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
 - ii) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- f) Pada pendapat para pengarah:
 - i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau mungkin akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas tahun kewangan berakhir, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya kelak; dan
 - ii) tiada butiran, urusaniaga atau peristiwa yang ketara dan luar biasa berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin memberi kesan secara besaran kepada keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

LAPORAN PARA PENGARAH

PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN

Butiran peristiwa selepas tarikh pelaporan didedahkan di Nota 37 dalam penyata kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 12 Mac 2013.

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah

Datuk Fong Joo Chung

Kuala Lumpur, Malaysia

PENYATA PARA PENGARAH

MENURUT KEHENDAK SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, **Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah** dan **Datuk Fong Joo Chung**, dua daripada Para Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang disertakan dari muka surat 221 hingga 273 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa, dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2012 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Maklumat yang dibentangkan dalam Nota 39 pada penyata kewangan telah disediakan berdasarkan Panduan tentang Perkara Khusus Bil. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian yang telah Direalisasikan atau Tidak Direalisasikan dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 12 Mac 2013.

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah

Datuk Fong Joo Chung

Kuala Lumpur, Malaysia

AKUAN BERKANUN

MENURUT KEHENDAK SEKSYEN 169 (16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, **Rambli bin Mashar**, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **Bintulu Port Holdings Berhad**, dengan takzim dan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan dari muka surat 221 hingga 273 adalah, pada pendapat saya betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan hemat mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya
oleh **Rambli bin Mashar** di
Kuala Lumpur in Wilayah Persekutuan
pada 12 Mac 2013

Rambli bin Mashar

Di hadapan saya,

Mohan A.S. Maniam
W 521
Pesuruhjaya Sumpah

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada Pemegang-Pemegang Saham Bintulu Port Holdings Berhad – 380802-T
(Diperbadankan Di Malaysia)

Kami telah mengaudit penyata kewangan Bintulu Port Holdings Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2012, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota keterangan lain, seperti yang dibentangkan di muka surat 221 hingga 273.

Tanggungjawab lembaga pengarah terhadap penyata kewangan

Para Pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa, dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Para Pengarah juga adalah bertanggungjawab bagi kawalan dalaman seperti yang ditentukan oleh Para Pengarah yang diperlukan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat kami mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami. Kami melaksanakan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi garis panduan yang beretika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mendapat kepastian munasabah mengenai samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan melaksana prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pernyataan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian kepada entiti dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama untuk merangka prosedur audit yang sesuai mengikut keadaan-keadaan tertentu, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap tahap keberkesanan kawalan dalaman entiti. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunapakai dan kewajaran anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh Para Pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara menyeluruh.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2012 dan prestasi kewangan serta aliran tunai pada tahun berakhir tersebut menurut Piawaian Pelaporan Perakaunan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Laporan terhadap keperluan perundangan dan badan seliaan lain

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan perkara-perkara berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.
- (b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.
- (c) Laporan juruaudit terhadap penyata kewangan subsidiari-subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang teguran yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada Pemegang-Pemegang Saham Bintulu Port Holdings Berhad – 380802-T
(Diperbadankan Di Malaysia)

Hal-hal lain

Maklumat tambahan seperti di Nota 39 pada muka surat 274 didedahkan untuk memenuhi keperluan Bursa Malaysia Securities Berhad dan bukan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan. Para pengarah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan maklumat tambahan menurut Panduan tentang Perkara Khusus Bil. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasikan atau Tidak Direalisasikan dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia (“MIA Guidance”) dan arahan dari Bursa Malaysia Securities Berhad. Pada pendapat kami, maklumat tambahan ini telah disediakan, dalam segala hal material, menurut MIA Guidance dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Laporan ini disediakan hanya untuk pemegang-pemegang saham Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
12 Mac 2013

Mohd. Sukarno bin Tun Sardon
No. 1697/03/15 (J)
Akauntan Bertauliah

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Pendapatan	4	514,966	490,137	229,775	159,250
Lain-lain pendapatan	5	12,886	14,444	7,724	9,871
		-----	-----	-----	-----
		527,852	504,581	237,499	169,121
		-----	-----	-----	-----
Kos perkhidmatan pembinaan	6	(8,757)	(6,191)	-	-
Perbelanjaan manfaat pekerja	7	(66,681)	(62,527)	(2,440)	(1,480)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	15	(26,885)	(19,344)	(29)	(23)
Pelunasan aset tak ketara	17	(96,098)	(91,511)	-	-
Sewa bot		(9,177)	(5,458)	-	-
Kos pengerukan		(8,500)	(8,500)	-	-
Bahan api, elektrik dan utiliti		(24,728)	(21,963)	(1)	(2)
Insurans		(3,585)	(3,564)	(1)	(1)
Sewa pajak tanah dan kemudahan pelabuhan	8	(1,143)	(1,100)	-	-
Baik pulih dan penyelenggaraan		(24,931)	(24,910)	(15)	(10)
Kontrak perkhidmatan		(14,280)	(11,051)	-	-
Kos kewangan	10	(37,721)	(44,619)	-	-
Lain-lain perbelanjaan	9	(26,795)	(22,268)	(4,898)	(3,521)
		-----	-----	-----	-----
		(349,281)	(323,006)	(7,384)	(5,037)
		-----	-----	-----	-----
Keuntungan sebelum cukai		178,571	181,575	230,115	164,084
Cukai pendapatan	12	(32,183)	(10,865)	(50,581)	(41,267)
		-----	-----	-----	-----
Keuntungan bersih cukai, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		146,388	170,710	179,534	122,817
		=====	=====	=====	=====
Pendapatan sesaham					
Asas (sen)	13	36.60	42.68		
		=====	=====		

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2012

	Nota	Kumpulan			Syarikat		
		2012	2011	Pada 1.1.2011	2012	2011	Pada 1.1.2011
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset							
Aset tak semasa							
Hartanah, loji dan peralatan	15	415,716	290,880	287,432	196	135	158
Pelaburan dalam subsidiari	16	-	-	-	440,000	340,000	340,000
Aset tak ketara	17	1,135,016	1,213,457	1,295,070	-	-	-
Lain-lain penghutang	18	-	-	-	55,706	64,766	73,387
Aset cukai tertunda	21	39,607	39,162	45,042	-	-	-
		-----	-----	-----	-----	-----	-----
		1,590,339	1,543,499	1,627,544	495,902	404,901	413,545
		-----	-----	-----	-----	-----	-----
Aset semasa							
Hartanah dipegang untuk dijual	22	12,373	16,700	19,389	-	-	-
Penghutang perdagangan	23	22,795	24,627	24,627	-	-	-
Lain-lain penghutang	18	19,693	24,813	40,880	40,149	10,458	10,205
Lain-lain aset semasa	19	5,368	20,304	19,862	39	-	-
Deposit	20	180,800	240,076	252,767	11,400	98,795	119,624
Cukai boleh dipulih		41,234	31,763	-	185	-	-
Wang tunai dan baki di bank	20	13,527	7,765	20,946	646	1,525	76
		-----	-----	-----	-----	-----	-----
		295,790	366,048	378,471	52,419	110,778	129,905
		-----	-----	-----	-----	-----	-----
Jumlah aset		1,886,129	1,909,547	2,006,015	548,321	515,679	543,450
		=====	=====	=====	=====	=====	=====

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2012

		Kumpulan			Syarikat		
	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000	Pada 1.1.2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000	Pada 1.1.2011 RM'000
Ekuiti dan liabiliti							
Ekuiti diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti syarikat							
Modal saham	24	400,000	400,000	400,000	400,000	400,000	400,000
Premium saham		92,950	92,950	92,950	92,950	92,950	92,950
Pendapatan terkumpul	25	163,675	167,287	146,577	50,498	20,964	48,147
		-----	-----	-----	-----	-----	-----
Jumlah ekuiti		656,625	660,237	639,527	543,448	513,914	541,097
		-----	-----	-----	-----	-----	-----
Liabiliti tak semasa							
Manfaat persaraan	26	39,976	40,125	39,128		-	-
Lain-lain pemiutang	28	895	-	-	895	-	-
Obligasi konsesi untuk bayaran pajakan	27	995,020	1,065,197	1,138,564	-	-	-
Peruntukan bagi kos pengerukan	29	-	2,833	11,333	-	-	-
		-----	-----	-----	-----	-----	-----
		1,035,891	1,108,155	1,189,025	895	-	-
		-----	-----	-----	-----	-----	-----
Liabiliti semasa							
Lain-lain pemiutang	28	87,941	67,684	106,692	3,978	1,661	2,194
Obligasi konsesi untuk bayaran pajakan	27	77,904	73,367	64,411	-	-	-
Peruntukan bagi kos pengerukan	29	11,333	-	-	-	-	-
Cukai pendapatan berbayar		16,435	104	6,360	-	104	159
		-----	-----	-----	-----	-----	-----
		193,613	141,155	177,463	3,978	1,765	2,353
		-----	-----	-----	-----	-----	-----
Jumlah liabiliti		1,229,504	1,249,310	1,366,488	4,873	1,765	2,353
		-----	-----	-----	-----	-----	-----
Jumlah ekuiti dan liabiliti		1,866,129	1,909,547	2,006,015	548,321	515,679	543,450
		=====	=====	=====	=====	=====	=====

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA-PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

			Tak Boleh Diagih	Boleh Diagih	
	Nota	Modal Saham RM'000	Premium Saham RM'000	Pendapatan Terkumpul RM'000	Ekuiti, Jumlah RM'000
Kumpulan					
2012					
Baki permulaan pada 1 Januari 2012		400,000	92,950	167,287	660,237
Jumlah pendapatan komprehensif		-	-	146,388	146,388
Transaksi dengan pemilik					
Dividen atas saham biasa	14	-	-	(150,000)	(150,000)
		-----	-----	-----	-----
Baki penutupan pada 31 Disember 2012		400,000	92,950	163,675	656,625
		=====	=====	=====	=====
2011					
Baki permulaan pada 1 Januari 2011 seperti yang telah dinyatakan		400,000	92,950	352,163	845,113
Kesan daripada menerima pakai IC 12		-	-	(205,586)	(205,586)
		-----	-----	-----	-----
Seperti yang dinyatakan semula		400,000	92,950	146,577	639,527
Jumlah pendapatan komprehensif		-	-	170,710	170,710
Transaksi dengan pemilik					
Dividen atas saham biasa	14	-	-	(150,000)	(150,000)
		-----	-----	-----	-----
Baki penutupan pada 31 Disember 2011		400,000	92,950	167,287	660,237
		=====	=====	=====	=====

PENYATA-PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

			Tak Boleh Diagih	Boleh Diagih	
	Nota	Modal Saham RM'000	Premium Saham RM'000	Pendapatan Terkumpul RM'000	Ekuiti, Jumlah RM'000
Syarikat					
2012					
Baki permulaan pada 1 Januari 2012		400,000	92,950	20,964	513,914
Jumlah pendapatan komprehensif		-	-	179,534	179,534
Transaksi dengan pemilik					
Dividen atas saham biasa	14	-	-	(150,000)	(150,000)
		-----	-----	-----	-----
Baki penutupan pada 31 Disember 2012		400,000	92,950	50,498	543,448
		=====	=====	=====	=====
2011					
Baki permulaan pada 1 Januari 2011		400,000	92,950	48,147	541,097
Jumlah pendapatan komprehensif		-	-	122,817	122,817
Transaksi dengan pemilik					
Dividen atas saham biasa	14	-	-	(150,000)	(150,000)
		-----	-----	-----	-----
Baki penutupan pada 31 Disember 2011		400,000	92,950	20,964	513,914
		=====	=====	=====	=====

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Aktiviti-aktiviti beroperasi					
Keuntungan sebelum cukai		178,571	181,575	230,115	164,084
<u>Pelarasan untuk:</u>					
Peruntukan bagi manfaat persaraan	26	4,296	3,619	-	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	15	26,885	19,344	29	23
Pelunasan aset tak ketara	17	96,098	91,511	-	-
Peruntukan bagi kos pengerukan	29	8,500	8,500	-	-
Modal kerja dalam pelaksanaan dihapuskirakan	15	-	33	-	-
Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		(1,673)	(17)	-	-
Kerugian daripada pelupusan hartanah untuk dijual		228	65	-	-
Pendapatan faedah		(9,641)	(12,860)	(7,724)	(9,835)
Kos kewangan	10	37,721	44,619	-	-
Pendapatan dividen kasar		-	-	(229,775)	(159,250)
Jumlah pelarasan		162,414	154,814	(237,470)	(169,062)
Aliran tunai operasi sebelum modal kerja		340,985	336,389	(7,355)	(4,978)
<u>Perubahan dalam modal kerja</u>					
Pengurangan dalam hartanah dipegang untuk dijual		454	807	-	-
Pengurangan/(Pertambahan) dalam penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang		5,572	15,909	21	(39)
Pengurangan/(Pertambahan) dalam lain-lain aset semasa		14,935	(431)	(40)	-
Pengurangan/(Pertambahan) dalam lain-lain pemiutang		19,321	(43,082)	795	(62)
Perubahan bersih syarikat subsidiari		-	-	2,417	(471)
Jumlah perubahan dalam modal kerja		40,282	(26,797)	3,193	(572)
Aliran tunai daripada /(digunakan untuk) aktiviti-aktiviti operasi		381,267	309,592	(4,162)	(5,550)
Pembayaran sewa pajakan		(111,603)	(114,781)	-	-
Pembayaran untuk kos pengerukan	29	-	(17,000)	-	-
Faedah persaraan dibayar		(4,445)	(2,622)	-	-
Cukai dibayar		(33,255)	(43,005)	(983)	(1,509)
Cukai dibayar balik		7,486	-	-	-
Aliran tunai bersih daripada/(digunakan untuk) aktiviti-aktiviti operasi		239,450	132,184	(5,145)	(7,059)

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Aktiviti-aktiviti pelaburan					
Perolehan syarikat subsidiari, tunai		-	-	(100,000)	-
Amaun berbayar daripada subsidiari		-	-	8,612	8,203
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(149,733)	(16,128)	(90)	-
Pembelian aset tak ketara		(8,627)	(6,707)	-	-
Faedah diterima		10,913	12,904	8,686	10,038
Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		838	58	-	-
Hasil daripada pelupusan hartanah dipegang untuk dijual		3,645	1,817	-	-
Dividen bersih diterima		-	-	149,663	119,438
		-----	-----	-----	-----
Aliran tunai bersih (digunakan untuk)/ daripada aktiviti-aktiviti pelaburan		(142,964)	(8,056)	66,871	137,679
		-----	-----	-----	-----
Aktiviti pembiayaan					
Dividen dibayar	14	(150,000)	(150,000)	(150,000)	(150,000)
		-----	-----	-----	-----
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		(150,000)	(150,000)	(150,000)	(150,000)
		-----	-----	-----	-----
Pengurangan bersih tunai dan setara tunai		(53,514)	(25,872)	(88,274)	(19,380)
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari		247,841	273,713	100,320	119,700
		-----	-----	-----	-----
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember	20	194,327	247,841	12,046	100,320
		-----	-----	-----	-----

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

1. Maklumat korporat

Syarikat adalah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Lot 15, Blok 20, Kemena Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97008 Bintulu, Sarawak.

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan.

Aktiviti-aktiviti utama subsidiari-subsidiari dinyatakan dalam Nota 16 penyata kewangan.

Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama tersebut di sepanjang tahun kewangan ini.

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Perakaunan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - "MFRS"), Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - "IFRS") dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Ini merupakan penyata kewangan Kumpulan yang pertama kali disediakan menurut peruntukan MFRSs dan MFRS 1, *First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards* telah digunapakai. Pada tahun-tahun sebelum ini, penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Perakaunan (Financial Reporting Standards - "FRS").

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 yang disediakan mengikut FRS boleh diperolehi dari pejabat berdaftar Syarikat.

Penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat juga telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali seperti yang dizahirkan dalam dasar-dasar perakaunan di bawah.

Penyata-penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai Ringgit Malaysia dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000) kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.2 Perubahan-perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Kecuali perbezaan tertentu, keperluan di bawah FRS dan MFRS adalah sama. Dasar-dasar perakaunan signifikan yang diterimapakai dalam menyediakan penyata kewangan disatukan adalah konsisten dengan penyata kewangan yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 kecuali yang dibincangkan dibawah:

Kombinasi perniagaan

MFRS 1 memberi opsyen untuk menggunakan MFRS 3, Business Combinations, prospektif dari 1 Januari 2011. Ini memberi pelepasan daripada menggunakan MFRS 3 secara retrospektif sepenuhnya yang mana memerlukan pernyataan semula semua kombinasi perniagaan sebelum tarikh peralihan.

Pengambilalihan sebelum tarikh peralihan

Kumpulan telah memilih untuk menggunakan MFRS 3 secara prospektif dari tarikh peralihan. Berhubung dengan pengambilalihan sebelum tarikh peralihan:

- (i) Klasifikasi kombinasi perniagaan sebelum ini di bawah FRS dikekalkan;
- (ii) Tidak terdapat pengiraan semula nilai saksama asal yang ditentukan pada masa kombinasi perniagaan (tarikh pengambilalihan); dan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.2 Perubahan-perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (Sambungan)

Pengambilalihan sebelum tarikh peralihan (Sambungan)

(iii) Nilai bawaan muhibah yang diiktiraf di bawah FRS tidak diselaraskan.

Nota-nota pada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat pada tarikh peralihan kepada MFRS tidak berubah daripada yang dilaporkan sebelum ini.

2.3 Piawaian-piawaian yang diterbitkan tetapi belum lagi efektif

Piawaian-piawaian dan tafsiran-tafsiran yang diterbitkan tetapi belum lagi efektif pada tarikh terbitan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat adalah dizahirkan di bawah. Kumpulan dan Syarikat berhasrat untuk mengguna pakai piawaian-piawaian tersebut, sekiranya bersesuaian, apabila ianya menjadi efektif:

Butiran	Efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
MFRS 101 Presentation of Items of Other Comprehensive Income (Amendments to MFRS 101)	1 Julai 2012
Amendments to MFRS 101: Presentation of Financial Statements (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)	1 Januari 2013
MFRS 3 Business Combinations (IFRS 3 <i>Business Combinations</i> issued by IASB in March 2004)	1 Januari 2013
MFRS 10 Consolidated Financial Statements	1 Januari 2013
MFRS 11 Joint Arrangements	1 Januari 2013
MFRS 12 Disclosure of interests in Other Entities	1 Januari 2013
MFRS 13 Fair Value Measurement	1 Januari 2013
MFRS 119 Employee Benefits	1 Januari 2013
MFRS 127 Separate Financial Statements	1 Januari 2013
MFRS 128 Investment in Associate and Joint Ventures	1 Januari 2013
MFRS 127 Consolidated and Separate Financial Statements (IAS 27 as revised by IASB in December 2003)	1 Januari 2013
Amendment to IC Interpretation 2 Members' Shares in Co-operative Entities and Similar Instruments (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)	1 Januari 2013
IC Interpretation 20 Stripping Costs in the Production Phase of a Surface Mine	1 Januari 2013
Amendments to MFRS 7: Disclosures – Offsetting Financial Assets and Financial Liabilities	1 Januari 2013
Amendments to MFRS 1: First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards – Government Loans	1 Januari 2013
Amendments to MFRS 1: First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)	1 Januari 2013
Amendments to MFRS 116: Property, Plant and Equipment (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)	1 Januari 2013
Amendments to MFRS 132: Financial Instruments: Presentation (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)	1 Januari 2013

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.3 Piawaian-piawaian yang diterbitkan tetapi belum lagi efektif (Sambungan)

Butiran	Efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Amendments to MFRS 134: Interim Financial Reporting (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)	1 Januari 2013
Amendments to MFRS 10: Consolidated Financial Statements: Transition Guidance	1 Januari 2013
Amendments to MFRS 11: Joint Arrangements: Transition Guidance	1 Januari 2013
Amendments to MFRS 12: Disclosure of Interests in Other Entities: Transition Guidance	1 Januari 2013
Amendments to MFRS 132: Offsetting Financial Assets and Financial Liabilities	1 Januari 2014
Amendments to MFRS 10, MFRS 12 and MFRS 127: Investment Entities	1 Januari 2014
MFRS 9 Financial Instruments	1 Januari 2015

Para Pengarah menjangka bahawa menerimapakai piawaian-piawaian dan tafsiran-tafsiran di atas tidak memberi impak ketara pada penyata kewangan dalam tempoh aplikasi permulaannya kecuali impak yang dizahirkan dibawah:

- **MFRS 10 Consolidated Financial Statements**

MFRS 10 menggantikan sebahagian MFRS 127 Consolidated and Separate Financial Statements yang berkaitan dengan penyata kewangan disatukan dan IC Interpretation 112 Consolidation – Special Purpose Entities.

Di bawah MFRS 10, seorang pelabur mengawal penerima pelaburan apabila (a) pelabur mempunyai kuasa atas penerima pelaburan (b) pelabur mempunyai pendedahan ke atas risiko, atau hak, ke atas pulangan yang berubah dari penglibatannya dengan penerima pelaburan, dan (c) pelabur mempunyai keupayaan menggunakan kuasa ke atas penerima pelaburan untuk menentukan jumlah pulangan pelaburan. Di bawah MFRS 127 Consolidated and Separate Financial Statements, kawalan bermaksud kuasa urustadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti supaya dapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti tersebut.

MFRS 10 termasuk panduan terperinci yang menjelaskan bila seorang pelabur mempunyai kawalan ke atas penerima pelabur. MFRS 10 memerlukan pelabur mengambilkira semua fakta dan keadaan yang relevan.

Kumpulan adalah dalam proses menganalisa kesan keperluan baru ini.

- **MFRS 12 Disclosures of Interests in Other Entities**

MFRS 12 termasuk semua keperluan penzahiran untuk kepentingan dalam subsidiari-subsidiari, pengaturan bersama, bersekutu dan entiti berstruktur. Beberapa penzahiran baru adalah diperlukan. Piawaian ini memberi kesan kepada penzahiran sahaja dan tidak memberi sebarang impak terhadap kedudukan kewangan atau prestasi Kumpulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.3 Piawaian-piawaian yang diterbitkan tetapi belum lagi efektif (Sambungan)

- **MFRS 127 Separate Financial Statements**

Akibat MFRS 10 dan MFRS 12 yang baru, MFRS 127 terhad kepada perakaunan untuk subsidiari, entiti-entiti yang mempunyai kawalan yang sama dan bersekutu dalam penyata kewangan yang berasingan.

- **MFRS 119 Employee Benefits**

Perubahan yang paling signifikan adalah berhubung perakaunan untuk perubahan dalam obligasi manfaat yang ditafsirkan dan aset yang dirancang. Pindaan-pindaan tersebut memerlukan pengiktirafan ke atas perubahan dalam obligasi manfaat yang ditafsirkan dan nilai saksama aset dirancang apabila ianya berlaku, dan menghapuskan “corridor approach” sepertimana dibenarkan di bawah versi MFRS 119 sebelum ini dan mempercepatkan pengiktirafan kos perkhidmatan terdahulu. Pindaan-pindaan tersebut memerlukan kesemua lebihan dan kerugian aktuari diiktirafkan dengan serta-merta melalui pendapatan komprehensif yang lain supaya aset atau liabiliti pencen bersih yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan disatukan untuk memberi gambaran nilai sepenuhnya defisit atau lebihan pelan yang dirancang.

Pindaan-pindaan kepada MFRS 119 perlu perlaksanaan retrospektif dengan pengecualian tertentu. Para Pengarah menjangkakan bahawa perlaksanaan pindaan-pindaan kepada MFRS 119 mungkin mempunyai impak ke atas jumlah yang dilaporkan bagi pelan manfaat persaraan Kumpulan. Walau bagaimanapun, Kumpulan sedang mengkaji kesan piawaian ini ke atas kedudukan dan prestasi kewangan Kumpulan.

- **MFRS 9 Financial Instruments: Classification and Measurement**

MFRS 9 menggambarkan peringkat pertama kerja-kerja penggantian kepada MFRS 139 Financial Instruments: Recognition and Measurement dan digunakan untuk klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan sebagaimana yang ditafsirkan dalam MFRS 139 Financial Instruments: Recognition and Measurement. Pemakaian pertama MFRS 9 mempunyai kesan ke atas klasifikasi dan pengukuran aset kewangan Kumpulan. Kumpulan akan mengukur kesan bersempena fasa lain, apabila piawaian terakhir yang mengandungi semua fasa dikeluarkan.

2.4 Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Syarikat dan Syarikat-syarikat subsidiarinya pada tarikh laporan. Penyata kewangan Syarikat-syarikat subsidiari yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan telah disediakan bagi tempoh perakaunan yang sama dengan Syarikat. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai kepada urusan dan peristiwa dalam keadaan yang serupa.

Pengambilalihan subsidiari-subsidiari diambilkira menggunakan kaedah pengambilalihan. Aset-aset dikenalpasti untuk diambilalih dan liabiliti yang ditanggung dalam kombinasi perniagaan pada mulanya diukur pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan. Kos-kos yang berkaitan dengan pengambilalihan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana kos tersebut ditanggung dan perkhidmatan diterima.

Dalam kombinasi perniagaan yang dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang dipegang sebelumnya oleh entiti yang diambilalih diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Kumpulan memilih untuk setiap kombinasi perniagaan, samada kepentingan bukan kawalan dalam entiti yang diambilalih (jika ada) diiktiraf pada tarikh pengambilalihan pada nilai saksama, atau pada bahagian berkadar aset bersih dikenalpasti yang diambilalih oleh kepentingan bukan kawalan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.4 Asas penyatuan (Sambungan)

Sebarang lebihan dari nilai saksama balasan yang dipindahkan dalam kombinasi perniagaan, jumlah kepentingan bukan kawalan dalam entiti yang diambilalih (jika ada), dan nilai saksama kepentingan ekuiti yang dipegang sebelumnya oleh Kumpulan dalam entiti yang diambilalih (jika ada), ke atas nilai saksama bersih aset yang dikenalpasti dan liabiliti bagi entiti yang diambilalih direkodkan sebagai muhibah dalam penyata kedudukan kewangan. Dalam keadaan di mana jumlah yang terakhir melebihi yang terdahulu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai keuntungan atas tawaran pembelian dalam penyata pendapatan pada tarikh pengambilalihan.

Syarikat-syarikat subsidiari disatukan daripada tarikh pengambilalihan, iaitu tarikh dimana Kumpulan mempunyai kepentingan kawalan dan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat.

Urusniaga dengan Kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan mewakili ekuiti dalam syarikat subsidiari yang tidak diagihkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada pemilik Syarikat, dan dibentangkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif disatukan dan dalam ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan disatukan, berasingan daripada ekuiti diagihkan kepada pemilik Syarikat.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan pemilik Syarikat dalam subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambilkira sebagai urusniaga ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, jumlah bawaan kepentingan kawalan dan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif dalam subsidiari. Sebarang perbezaan antara jumlah di mana kepentingan bukan kawalan diselaraskan dan nilai saksama balasan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diagihkan kepada pemilik induk.

2.5 Pengaturan konsesi perkhidmatan

Menurut perjanjian penswastan yang ditandatangani antara subsidiari dan Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) pada 31 Disember 1992, subsidiari telah diberi lesen untuk menyediakan perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu untuk tempoh 30 tahun.

Pertimbangan yang diberikan oleh pemberi

Aset tak ketara konsesi diiktiraf ke tahap di mana Kumpulan menerima hak untuk mengenakan caj kepada pengguna perkhidmatan awam, yang bukan hak tidak bersyarat untuk menerima tunai kerana amaun bergantung pada tahap orang awam menggunakan perkhidmatan. Aset tak ketara diambilkira seperti yang selaras dengan dasar yang dinyatakan untuk Aset Tak Semasa dalam Nota 2.6.

Bayaran pajakan tahunan bagi penggunaan tanah dan kemudahan

Bayaran bagi pajakan tanah dan kemudahan diiktiraf sebagai kos untuk mendapatkan hak penggunaan kepada infrastruktur dan diambilkira dalam mengira nilai saksama perkhidmatan yang diberikan kepada pemberi di bawah pengaturan konsesi perkhidmatan. Sehubungan itu, Kumpulan mengiktiraf dan menilai obligasi berkontrak ini selaras dengan dasar perakaunan bagi peruntukan dalam Nota 2.18.

Pembinaan atau menaik taraf perkhidmatan

Pendapatan dan kos-kos yang berkaitan dengan pembinaan atau menaik taraf perkhidmatan diambilkira mengikut dasar yang ditetapkan untuk Kontrak Pembinaan dalam Nota 2.7.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.5 Pengaturan konsesi perkhidmatan (Sambungan)

Perkhidmatan operasi

Pendapatan dan kos-kos yang berkaitan dengan perkhidmatan operasi diambilkira mengikut dasar untuk Kontrak Pembinaan dalam Nota 2.17.

Obligasi berkontrak untuk memulihkan infrastruktur ke tahap yang dinyatakan kebolehnya penggunaannya

Apabila Kumpulan mempunyai obligasi berkontrak di mana ianya mesti memenuhi syarat lesen untuk: a) mengekalkan infrastruktur kepada piawaian yang ditetapkan atau, b) untuk memulihkan infrastruktur apabila infrastruktur telah merosot di bawah keadaan yang telah ditetapkan, ia mengiktiraf dan menilai obligasi berkontrak ini selaras dengan dasar perakaunan bagi peruntukan dalam Nota 2.18. Baik pulih dan penyelenggaraan dan lain-lain perbelanjaan yang kebiasaan dikira sebagai perbelanjaan dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila berlaku.

2.6 Aset tak ketara

Aset tak ketara dinilai pada pengiktirafan permulaan pada kos. Berikutan pengiktirafan permulaan, aset tak ketara dinilai pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kemerosotan nilai terkumpul.

(a) Aset tak ketara konsesi

(i) Tanah dan infrastruktur yang dipajak

Ini mewakili nilai saksama hak untuk menggunakan tanah dan infrastruktur yang dipajak, dinilai pada nilai saksama pajakan pada permulaan Perjanjian Penswastan dan pajakan tambahan yang berikutnya.

(ii) Infrastruktur yang diperoleh dan dibina

Ini mewakili kos-kos yang ditanggung dalam pengambilalihan dan pembinaan infrastruktur tambahan sepanjang tempoh konsesi.

(iii) Muhibah atas pengambilalihan perniagaan

Ini mewakili lebih daripada kos pengambilalihan perniagaan oleh Syarikat dari LPB ke atas aset bersih yang diambil alih.

(iv) Muhibah atas pengambilalihan subsidiari

Muhibah pada mulanya dikira pada kos. Selepas pengiktirafan permulaan, muhibah dikira pada kos tolak rosotnilai terkumpul.

Bagi tujuan ujian rosotnilai, muhibah yang diperoleh akan diperuntukkan, dari tarikh pembelian, kepada setiap unit janaan tunai Kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada kombinasi sinergi.

Unit janaan tunai dimana muhibah telah diperuntukkan diuji rosotnilai secara tahunan dan jika terdapat petunjuk bahawa unit janaan tunai mungkin dirosotnilai, dengan membandingkan nilai bawaan unit janaan tunai, termasuk muhibah yang diperuntukkan, dengan jumlah boleh pulih unit janaan tunai. Dimana jumlah boleh pulih unit janaan tunai kurang daripada nilai bawaan, kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf untuk muhibah tidak dibalikkan dalam tempoh berikutnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.6 Aset tak ketara (Sambungan)

(a) Aset tak ketara konsesi (Sambungan)

(iv) Muhibah atas pengambilalihan subsidiari (Sambungan)

Dimana muhibah membentuk sebahagian dari unit janaan tunai dan sebahagian daripada operasi dalam unit janaan tunai dilupuskan, muhibah yang berkaitan dengan operasi yang dilupuskan dimasukkan dalam nilai bawaan operasi apabila menentukan untung atau rugi daripada pelupusan operasi tersebut. Muhibah yang dilupus dalam keadaan ini adalah dikira berdasarkan nilai saksama operasi yang dilupuskan dan sebahagian unit janaan tunai disimpan.

Aset tak ketara konsesi mempunyai jangka hayat kegunaan yang terhad dan dinilai pada pengiktirafan permulaan seperti yang dinyatakan di atas, tolak pelunasan terkumpul dan kemerosotan nilai. Pelunasan disediakan berasaskan unit penggunaan sepanjang tempoh konsesi.

(b) Perisian

Perisian yang diperoleh secara berasingan dinilai pada pengiktirafan permulaan atas kos. Perisian mempunyai jangka hayat kegunaan yang terhad dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kemerosotan nilai.

Perisian dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaannya selama sepuluh tahun.

Dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian kemerosotan nilai dinyatakan dalam Nota 2.11. Perbelanjaan pelunasan ke atas aset tak ketara dengan hayat terhad diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2.7 Kontrak pembinaan

Dimana hasil daripada kontrak pembinaan dapat dianggarkan dengan betul, pendapatan kontrak dan perbelanjaan kontrak diiktiraf sebagai pendapatan dan perbelanjaan masing-masingnya dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan diukur dengan merujuk kepada bahagian kos kontrak yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos kontrak.

Dimana hasil daripada kontrak pembinaan tidak dapat dianggarkan dengan betul, pendapatan kontrak diiktiraf setakat kos kontrak yang mungkin boleh diperolehi semula. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia berlaku.

Apabila terdapat kemungkinan jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah pendapatan kontrak, kerugian yang dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

Pendapatan kontrak terdiri daripada jumlah awal pendapatan yang telah dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif setakat mana ianya berkemungkinan menghasilkan pendapatan dan boleh diukur dengan betul.

Apabila kos yang ditanggung atas kontrak pembinaan ditambah dengan keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian yang diiktiraf) melebihi bil kemajuan, baki tersebut dikelaskan sebagai amaun berbayar daripada pelanggan kontrak. Apabila bil kemajuan melebihi kos yang ditanggung ditambah keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian yang diiktiraf), baki tersebut dikelaskan sebagai amaun berbayar kepada pelanggan kontrak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.8 Subsidiari-subsidiari

Syarikat subsidiari adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir polisi-polisi kewangan dan operasi bagi memperoleh manfaat daripada aktivitiinya.

Di dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan Syarikat dalam syarikat-syarikat subsidiari diambilkira pada kos ditolak kerugian rosotnilai.

2.9 Hartanah, loji dan peralatan

Semua butiran hartanah, loji dan peralatan pada mulanya adalah direkodkan pada kos. Kos sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan butiran itu akan memasuki Kumpulan dan Syarikat dan kos item tersebut boleh diukur secara pasti.

Selepas pengiktirafan, hartanah, loji dan peralatan adalah dikira pada kos tolak susut nilai terkumpul dan rosotnilai terkumpul. Apabila bahagian-bahagian penting hartanah, loji dan peralatan perlu digantikan secara berperingkat, Kumpulan dan Syarikat akan mengiktiraf bahagian tersebut sebagai aset individu dengan jangka hayat dan susut nilai yang tertentu. Begitu juga apabila pemeriksaan utama dijalankan, kosnya akan diiktiraf dalam nilai bawaan hartanah, loji dan peralatan sebagai gantian jika kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos pembaikan dan pemulihan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila berlaku.

Modal kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilaikan. Lain-lain hartanah, loji dan peralatan disusutnilai mengikut kaedah garis lurus bagi menghapuskirakan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaannya pada kadar tahunan berikut:

Bangunan dan kemudahan bulking	25 tahun
Loji dan peralatan	5 – 14 tahun
Kenderaan bermotor	7 – 10 tahun
Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	10 tahun
Kapal	14 – 20 tahun

Nilai bawaan hartanah, loji dan peralatan telah dikaji untuk rosotnilai apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawaan tidak dapat diperolehi kembali.

Nilai sisa, kegunaan jangka hayat dan kaedah susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan mengikut kesesuaian.

Hartanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf sebagai aset semasa pelupusan atau apabila tidak terdapat lagi manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan tersebut. Keuntungan atau kerugian dari penamatan pengiktirafan aset telah dimasukkan dalam penyata pendapatan pada tahun aset tersebut tidak lagi diiktiraf.

2.10 Hartanah dipegang untuk dijual

Hartanah dipegang untuk dijual dinyatakan pada kos dan nilai bersih terrealis yang mana rendah. Kos hartanah dipegang untuk dijual merangkumi perbelanjaan untuk memperolehi tanah, kos langsung dan pengagihan bersesuaian kos-kos bersama yang berkaitan untuk memajukan hartanah sehingga penyiapannya.

Sebarang keuntungan atau kerugian atas pelupusan hartanah dipegang untuk dijual diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun ianya berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.11 Rosotnilai aset bukan kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang tanda-tanda bahawa aset akan dirosotnilai. Jika tanda-tanda tersebut wujud, atau apabila penilaian rosotnilai aset diperlukan, Kumpulan dan Syarikat akan membuat anggaran 'asset recoverable amount'.

Bagi aset tak ketara yang mempunyai kegunaan hayat yang tidak tetap dan aset tak ketara yang belum dapat digunakan, 'recoverable amount' dianggarkan pada setiap tarikh lembaran imbalan atau lebih kerap apabila petunjuk rosotnilai dapat dikenalpasti.

'Asset recoverable amount' adalah nilai saksama aset tolak kos jualan yang mana tinggi dan nilai dalam penggunaan. Untuk tujuan menaksir rosotnilai, aset-aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana terdapat aliran tunai berasingan yang boleh dikenal pasti (unit janaan tunai ("UJT")).

Dalam menaksir nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan yang dijangka akan dihasilkan oleh aset didiskaun kepada nilai kini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko spesifik kepada aset. Sekiranya amaun bawaan sesuatu aset melebihi 'recoverable amount', aset tersebut diturunkan nilai kepada 'recoverable amount'. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf mengenai sesuatu UJT atau kumpulan UJT adalah diagihkan terlebih dahulu bagi mengurangkan nilai bawaan muhibah yang diagihkan kepada unit atau kumpulan unit dan kemudian, mengurangkan nilai bawaan aset-aset yang lain dalam unit atau kumpulan unit tersebut secara sama rata.

Kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dalam untung atau rugi.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan samada terdapat sebarang tanda-tanda bahawa kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Rosotnilai yang telah diiktiraf sebelum ini hanya dibalikkan jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh diperolehi bagi aset itu sejak rosotnilai yang terakhir diiktiraf. Jika berlaku sedemikian, nilai bawaan aset akan dinaikkan kepada jumlah yang boleh diperolehi. Peningkatan itu tidak boleh melebihi nilai bawaan yang mungkin akan ditentukan, susut nilai bersih, tiada rosotnilai diiktiraf sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata kewangan.

2.12 Aset kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan.

Apabila aset kewangan diiktiraf pada mulanya, ia dikira pada nilai saksama, dan di dalam situasi aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi akan terus diagihkan kepada perolehan aset kewangan tersebut.

Kumpulan dan Syarikat menentukan klasifikasi aset kewangannya pada pengiktirafan permulaan, dan kategori termasuk pinjaman dan penghutang.

Pinjaman dan penghutang

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang bukan disenaraikan dalam pasaran yang aktif adalah diklasifikasikan sebagai pinjaman dan penghutang.

Berikutan kepada pengiktirafan permulaan, pinjaman dan penghutang dikira pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila pinjaman dan penghutang tidak diiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.12 Aset kewangan (Sambungan)

Pinjaman dan penghutang (Sambungan)

Pinjaman dan penghutang diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali yang mana mempunyai tarikh matang yang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai tak semasa.

2.13 Rosotnilai aset-aset kewangan

Kumpulan dan Syarikat menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah dirosotnilai.

Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dan aset kewangan yang lain yang dibawa pada kos pelunasan.

Untuk menentukan samada terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai aset kewangan telah berlaku, Kumpulan dan Syarikat menganggap faktor seperti kemungkinan muflis atau tekanan kewangan yang signifikan para penghutang dan kemungkinan atau pembayaran lewat yang signifikan. Bagi sesetengah kategori aset kewangan, seperti penghutang perdagangan, aset yang telah dinilai untuk tidak dirosotnilai secara individu dinilai untuk rosotnilai secara kolektif berdasarkan ciri-ciri risiko yang sama. Bukti objektif rosotnilai untuk portfolio penghutang boleh termasuk pengalaman lepas Kumpulan dan Syarikat dalam memungut pembayaran, peningkatan dalam jumlah pembayaran lewat dalam portfolio yang melepasi purata tempoh kredit dan perubahan yang dapat dilihat dalam situasi ekonomi nasional atau tempatan yang berhubungkait dengan kemungkiran pembayaran oleh penghutang.

Jika sebarang bukti wujud, jumlah kerugian rosotnilai akan dikira sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset dan nilai terkini anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset kewangan yang asal. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Nilai bawaan aset kewangan dikurangkan oleh kerugian rosotnilai secara langsung untuk semua aset kewangan kecuali penghutang perdagangan, di mana nilai bawaan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Apabila penghutang perdagangan tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira daripada akaun elaun.

Jika dalam tempoh yang berikutnya, jumlah kerugian rosotnilai berkurangan dan pengurangan itu boleh dikaitkan kepada peristiwa yang berlaku selepas rosotnilai telah diiktiraf, kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf sebelumnya akan ditarik balik sehingga nilai bawaan aset tidak melebihi kos pelunasan pada tarikh penarikbalikkan. Jumlah yang ditarik balik diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2.14 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut isi kandungan pengaturan kontrak yang dimasuki dan maksud liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS 139, adalah diiktiraf dalam penyata posisi kewangan jika, dan hanya jika, Kumpulan dan Syarikat menjadi pihak bagi peruntukan kontrak kepada instrumen kewangan. Liabiliti kewangan dikelaskan sebagai liabiliti kewangan lain.

Liabiliti kewangan yang lain

Lain-lain liabiliti kewangan Syarikat termasuklah lain-lain pemiutang.

Lain-lain pemiutang diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama ditambah kos transaksi secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos pelunasan yang menggunakan kaedah faedah efektif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.14 Liabiliti Kewangan (Sambungan)

Liabiliti kewangan yang lain (Sambungan)

Bagi liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf penyata pendapatan apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama atas terma yang berbeza, atau terma liabiliti sedia ada sebahagian besarnya diubahsuai, apa-apa pertukaran atau pengubahsuaian dianggap sebagai pembatalan pengiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam jumlah dibawa masing-masing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2.15 Cukai pendapatan

(a) Cukai Semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa adalah diukur pada jumlah yang dijangka dapat dikutip daripada atau dibayar kepada penguatkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang percukaian yang digunakan untuk mengira jumlah tersebut adalah yang dikuatkuasa ataupun telah dikuatkuasa sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali sehingga cukai itu berkaitan dengan item yang diiktiraf diluar penyata pendapatan, samada dalam pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti.

(b) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan mengguna kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai bawaannya untuk tujuan pelaporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara, kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan permulaan bagi muhibah atau aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan dari kombinasi perniagaan dan, pada masa transaksi, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan
- mengenai perbezaan percukaian sementara yang berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari, syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, dimana perbezaan masa dalam penarikbalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan kemungkinan yang perbezaan sementara tidak akan berbalik dimasa hadapan.

Aset cukai tertunda adalah diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kredit cukai yang belum diguna yang dibawa ke hadapan dan kerugian cukai yang belum diguna, setakat keuntungan cukai yang boleh didapati terhadap perbezaan sementara yang boleh ditolak, dan kredit cukai yang belum diguna yang dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum diguna boleh digunakan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berkaitan dengan perbezaan sementara yang boleh ditolak timbul daripada pengiktirafan permulaan bagi aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan dari kombinasi perniagaan dan, pada masa transaksi, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau penyata pendapatan; dan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.15 Cukai pendapatan (Sambungan)

(b) Cukai Tertunda (Sambungan)

- mengenai perbezaan sementara yang boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu, dan kepentingan dalam usaha sama, aset cukai tertunda adalah diiktiraf hanya sehingga ianya berkemungkinan bahawa perbezaan sementara akan ditarik balik dalam masa yang hadapan dan keuntungan yang dicukai akan didapati terhadap perbezaan sementara boleh digunakan.

Nilai bawaan bagi aset cukai tertunda dinilai pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan sehingga ianya tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan yang dicukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian aset cukai tertunda untuk digunakan. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai pada tarikh pelaporan dan diiktiraf sehingga ia berkemungkinan bahawa keuntungan cukai masa hadapan akan membolehkan aset cukai tertunda digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka untuk digunakan dalam tahun aset itu direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan perundangan cukai yang telah digubal atau sebahagian besar digubal pada tarikh pelaporan.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan item yang diiktiraf diluar penyata pendapatan adalah diiktiraf diluar penyata pendapatan. Cukai tertunda adalah diiktiraf dalam hubungan kepada transaksi sebenarnya samada dalam pendapatan komprehensif yang lain atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada kombinasi perniagaan adalah diselaraskan terhadap muhibah atas pengambilalihan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda adalah diimbangi, jika wujudnya penguatkuasaan undang-undang untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkaitan dengan entiti kena cukai yang sama dan penguatkuasa cukai yang sama.

2.16 Manfaat Pekerja

(a) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan telah diberi oleh para pekerja. Gantirugi ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti bayaran cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberi oleh para pekerja akan menambah kelayakannya ke atas gantirugi ketidakhadiran masa hadapan dan gantirugi ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Skim Sumbangan Tetap

Kumpulan juga terlibat dalam skim pencen nasional seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang negara di mana ia beroperasi. Syarikat membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, skim caruman pencen. Caruman kepada skim caruman pencen diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan dilakukan.

(c) Manfaat Persaraan - Pelan Manfaat Tetap

Kumpulan mengendalikan Skim Manfaat Persaraan tidak berdana untuk pekerjaanya. Manfaat tersebut dibayar berdasar pada gaji akhir yang diterima oleh pekerja dan bilangan tahun perkhidmatan dengan Kumpulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.16 Manfaat Pekerja (Sambungan)

(c) Manfaat Persaraan - Pelan Manfaat Tetap (Sambungan)

Di bawah Skim ini, peruntukan kos manfaat persaraan dibuat dalam lembaran imbalan Kumpulan berdasarkan penilaian aktuari sekali setiap tiga tahun dengan mengguna kaedah unit kredit unjuran. Mengikut kaedah ini, peruntukan kos manfaat persaraan dicaj kepada penyata pendapatan. Tanggungan ini dikira pada nilai terkini anggaran pengaliran keluar tunai masa depan mengguna pulangan pada tarikh lembaran imbalan sekuriti kerajaan yang mempunyai tarikh matang menghampiri terma tanggungan Kumpulan.

Laba dan kerugian aktuari berlaku disebabkan perubahan dalam andaian aktuari dan perbezaan diantara andaian aktuari dengan kejadian sebenar. Laba dan kerugian berkenaan dikredit atau dicaj kepada keuntungan atau kerugian ke atas tempoh baki purata hayat perkhidmatan dijangka bagi seseorang pekerja yang menyertai pelan tersebut.

2.17 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan adalah setakat yang diiktiraf apabila ia mempunyai kemungkinan bahawa manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan Syarikat dan pendapatan boleh diukur. Pendapatan diukur pada nilai saksama balasan yang diterima atau akan diterima.

(a) Pendapatan daripada operasi pelabuhan

Pendapatan daripada operasi pelabuhan diiktiraf setelah ditolak rebet berdasarkan asas akruan apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

(b) Pendapatan daripada kontrak pembinaan

Pendapatan daripada kontrak pembinaan diiktiraf berasaskan peratusan penyiapan, seperti yang dijelaskan dalam polisi perakaunan bagi Kontrak Pembinaan dalam Nota 2.7.

(c) Pendapatan daripada kemudahan bulking

Pendapatan daripada kemudahan bulking diiktiraf setelah ditolak diskaun berdasarkan asas akruan apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

(d) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah terbukti.

(e) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan menggunakan kaedah faedah efektif.

2.18 Peruntukan liabiliti

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai tanggungan semasa akibat daripada kejadian lampau dan kemungkinan penggunaan sumber yang mempunyai manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut, dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat. Peruntukan diteliti semula pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (Sambungan)

2.18 Peruntukan liabiliti (Sambungan)

Apabila kesan diskaun adalah material, jumlah yang diiktiraf bagi peruntukan adalah nilai terkini pada akhir tempoh laporan perbelanjaan masa depan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Peningkatan dalam jumlah nilai diskaun semasa yang timbul daripada peredaran masa dimasukkan dalam “Kos kewangan” dalam penyata pendapatan komprehensif.

2.19 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di bank dan dalam tangan, deposit permintaan, dan jangka pendek, pelaburan berkecairan tinggi yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.20 Laporan bersegi

Untuk tujuan pengurusan, Kumpulan dibahagikan kepada segmen operasi berdasarkan produk dan perkhidmatan yang diuruskan secara berasingan oleh pengurus segmen masing-masing yang bertanggungjawab untuk prestasi segmen masing-masing di bawah jagaan mereka. Pengurus segmen melaporkan terus kepada pihak pengurusan Syarikat yang mengkaji keputusan segmen dalam usaha untuk memperuntukkan sumber kepada segmen dan untuk menilai prestasi segmen. Pendedahan tambahan pada setiap segmen ini ditunjukkan dalam Nota 36, termasuk faktor-faktor yang digunakan untuk mengenal pasti segmen yang dilaporkan dan asas pengukuran maklumat segmen.

2.21 Modal saham dan perbelanjaan penerbitan saham

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang membuktikan faedah sisa dalam aset Syarikat selepas ditolak semua liabiliti. Saham biasa adalah instrumen ekuiti.

Saham biasa direkodkan pada hasil yang diterima, bersih daripada peningkatan kos transaksi yang dilibatkan secara langsung. Saham-saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh di mana ia diisytiharkan.

3. Anggaran dan anggapan perakaunan penting

Sumber-sumber utama anggaran yang ketidaktentuan

Penyediaan penyata kewangan Syarikat memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka yang dilaporkan pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran boleh menyebabkan hasil yang mungkin memerlukan pelarasan yang material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti yang terjejas pada masa akan datang.

Andaian-andaian utama berkaitan masa depan dan lain-lain sumber utama anggaran yang ketidaktentuan pada tarikh lembaran imbalan, yang mempunyai risiko penting untuk mengakibatkan pelarasan ketara kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan yang akan datang dibincangkan di bawah.

(a) Penilaian rosot nilai hartanah, loji dan peralatan berkaitan aset-aset bulking

Kumpulan memastikan samada terdapat kemerosotan nilai pada amaun bawaan aset bulking sekurang-kurangnya setiap tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

3. Anggaran dan anggapan perakaunan penting (Sambungan)

Sumber-sumber utama anggaran yang ketidaktentuan (Sambungan)

(a) Penilaian rosotnilai hartanah, loji dan peralatan berkaitan aset-aset bulking (Sambungan)

Kumpulan menjalankan ujian rosotnilai berdasar pada nilai penggunaan aset bulking tersebut. Dalam membuat anggaran nilai penggunaan, Kumpulan perlu membuat anggaran aliran tunai masa depan yang dijangka daripada aset bulking dan juga untuk memilih kadar diskaun yang berpatutan untuk mengira nilai terkini aliran tunai tersebut.

Unjuran aliran tunai masa depan sepertimana digunakan oleh Kumpulan dalam analisisnya termasuk andaian yang signifikan berkaitan pertumbuhan kendalian kargo. Dalam keadaan dimana Kumpulan tidak dapat mencapai unjuran pertumbuhan kendalian kargo, aliran tunai masa depan akan terjejas dan memungkinkan peruntukan rosotnilai diiktiraf pada amaun bawaan aset bulking tersebut.

(b) Rosotnilai muhibah

Muhibah telah dinilai untuk rosotnilai setiap tahun dan pada masa-masa yang lain apabila terdapat petunjuk. Ia memerlukan penganggaran nilai yang digunakan bagi unit-unit penjanaan tunai di mana muhibah telah diperuntukkan.

Apabila pengiraan nilai yang digunakan dijalankan, pihak pengurusan mesti menganggarkan aliran tunai masa hadapan yang dijangka daripada aset atau unit penjanaan tunai dan memilih kadar diskaun yang sesuai untuk mengira nilai terkini aliran tunai tersebut. Butiran tambahan bagi nilai bawaan, andaian utama yang digunakan dalam menilai rosotnilai muhibah dan analisis sensitiviti kepada perubahan telah disediakan dalam Nota 17.

(c) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk kerugian cukai belum digunapakai dan elaun modal belum diserap setakat mana kemungkinan terdapat keuntungan bercukai boleh digunakan ke atas kerugian dan elaun modal tersebut. Penilaian yang teliti perlu dibuat oleh pengurusan untuk memastikan amaun aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasar pada penentuan pemasaan dan tahap keuntungan bercukai masa depan bersama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan. Tiada kerugian cukai yang belum digunapakai dan elaun modal belum diserap pada tarikh lembaran imbalan. Elaun cukai pelaburan belum digunapakai bagi Kumpulan pada tarikh lembaran imbalan adalah RM81,997,720 (2011: RM87,752,363).

(d) Jangka hayat bagi hartanah, loji dan peralatan

Kos hartanah, loji dan peralatan disusut nilai atas dasar garis lurus ke atas anggaran jangka hayat ekonomi aset. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan berada dalam lingkungan 5 hingga 25 tahun. Perubahan dalam tahap jangkaan penggunaan dan kemajuan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat ekonomi dan nilai sisa aset-aset. Oleh itu, caj susutnilai masa hadapan boleh disemak semula. Jumlah bawaan hartanah, loji dan peralatan Kumpulan pada tarikh pelaporan didedahkan dalam Nota 15. Perbezaan 5% dalam jangka hayat yang dijangka bagi aset-aset ini daripada anggaran pengurusan akan mengakibatkan kira-kira 0.75% (2011: 0.53%) perbezaan dalam keuntungan Kumpulan bagi tahun tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

4. Pendapatan

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Pendapatan daripada perkhidmatan pelabuhan	470,792	454,729	-	-
Pendapatan daripada perkhidmatan pembinaan bagi infrastruktur konsesi	8,757	6,191	-	-
Pendapatan daripada perkhidmatan bulking	35,417	29,217	-	-
Pendapatan dividen daripada subsidiari	-	-	229,775	159,250
	-----	-----	-----	-----
	514,966	490,137	229,775	159,250
	=====	=====	=====	=====

Pendapatan daripada perkhidmatan pembinaan adalah berkenaan dengan menaik taraf kemudahan pelabuhan, diambil kira selaras dengan peruntukan IC 12.

5. Lain-lain pendapatan

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Pendapatan faedah	9,641	12,860	7,724	9,835
Sewa diterima	495	452	-	-
Keuntungan dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan	1,673	17	-	-
Lain-lain	1,077	1,115	-	36
	-----	-----	-----	-----
	12,886	14,444	7,724	9,871
	=====	=====	=====	=====

6. Kos perkhidmatan pembinaan

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Kos dari perkhidmatan pembinaan untuk infrastruktur konsesi	8,757	6,191
	=====	=====

Kumpulan menganggap nilai saksama untuk pertimbangan bagi perkhidmatan yang diberikan dalam pengambilalihan atau naik taraf infrastruktur menghampiri kos yang ditanggung kerana kebanyakan kerja-kerja pembinaan telah disubkontrakkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

7. Perbelanjaan manfaat pekerja

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Upah, gaji, elaun dan bonus	47,987	45,029	1,973	1,148
Manfaat Tetap				
Skim Manfaat Persaraan (Nota 26)	4,296	3,619	-	-
Skim sumbangan tetap (Kumpulan)				
Wang Simpanan Pekerja	5,668	5,195	305	163
Lain-lain manfaat pekerja	8,730	8,684	162	169
	-----	-----	-----	-----
	66,681	62,527	2,440	1,480
	-----	-----	-----	-----

8. Sewa pajak tanah dan kemudahan pelabuhan

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Pajakan tanah	1,143	1,100
	-----	-----

Di samping pajakan tanah yang dibayar oleh Biport Bulkiers Sdn. Bhd. kepada BPA, Bintulu Port Sdn. Bhd. membayar RM111,602,938 (2011: RM114,781,001) untuk sewa pajak tanah dan kemudahan pelabuhan kepada BPA. Bayaran ini diambil kira sebagai pengurangan obligasi berkontrak yang telah diperuntukkan pada permulaan perjanjian penswastan pada nilai diskaun terkini.

9. Lain-lain perbelanjaan

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Butiran-butiran berikut telah dimasukkan dalam pengiraan lain-lain perbelanjaan:				
Ganjaran juruaudit				
- Tahun semasa	184	162	63	55
- Kurang/(lebih) peruntukan dalam tahun lepas	12	(1)	8	-
Ganjaran pengarah bukan eksekutif				
- yuran	1,250	1,140	876	876
- lain-lain emolumen	1,274	346	1,201	299
Sewa peralatan	1,356	884	29	53
Sewa ruang pejabat	269	77	174	37
Kerugian daripada penjualan hartanah dipegang untuk jualan	228	65	-	-
Denda kelewatan	-	1,450	-	-
Modal kerja dalam pelaksanaan dihapuskirakan	-	33	-	-
	-----	-----	-----	-----

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

10. Kos kewangan

	Kumpulan	
	2012	2011
	RM'000	RM'000
Peningkatan dalam jumlah diskaun peruntukan bagi obligasi berkontrak untuk bayaran pajakan yang timbul daripada peredaran masa	37,721	44,619
	=====	=====

11. Ganjaran - pengurusan utama

(a) Pampasan untuk kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama adalah seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti sesebuah entiti samada secara langsung atau tidak langsung, termasuk para pengarah entiti tersebut.

Ganjaran para Pengarah dan pengurusan utama Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012	2011	2012	2011
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Ganjaran dan manfaat	3,329	2,276	2,738	1,457
Manfaat Tetap persaraan:				
Skim sumbangan tetap	118	122	118	43
	-----	-----	-----	-----
	3,447	2,398	2,856	1,500
	=====	=====	=====	=====

(b) Ganjaran pengarah

Butiran agregat emolumen diterima dan belum terima oleh para Pengarah Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012	2011	2012	2011
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pengarah bukan eksekutif				
- yuran	1,250	1,140	876	876
- elaun mesyuarat	331	242	258	195
- elaun kereta	48	104	48	104
	-----	-----	-----	-----
	1,629	1,486	1,182	1,175
- peruntukan ganjaran Pengarah	895	-	895	-
	-----	-----	-----	-----
	2,524	1,486	2,077	1,175
	=====	=====	=====	=====

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

11. Ganjaran - pengurusan utama (Sambungan)

(b) Ganjaran pengarah (Sambungan)

Peruntukan ganjaran pengarah telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada 11 Mei 2012. Peruntukan ini belum lagi dibayar.

Bilangan para pengarah Syarikat yang mana jumlah ganjaran dalam tahun kewangan tergolong dalam julat berikut adalah seperti di bawah:

	Bilangan Pengarah	
	2012	2011
Pengarah bukan eksekutif:		
RM50,001 - RM100,000	-	1
RM100,001 - RM150,000	4	5
RM150,001 - RM200,000	4	3
RM200,001 - RM250,000	2	1
	=====	=====

12. Cukai pendapatan

Komponen utama perbelanjaan cukai pendapatan

Komponen utama perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 dan 2011 adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012	2011	2012	2011
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Penyata pendapatan komprehensif:				
Cukai pendapatan semasa:				
Cukai pendapatan Malaysia	32,618	35,030	50,581	41,267
Tuntutan pembayaran balik tahun sebelumnya bagi elaun cukai pelaburan Projek Perkhidmatan Diluluskan (PPL)	-	(33,487)	-	-
Kurang peruntukan pada tahun sebelumnya	10	3,442	-	-
	-----	-----	-----	-----
	32,628	4,985	50,581	41,267
	-----	-----	-----	-----
Cukai tertunda (Nota 21):				
Perbezaan sementara asal dan dibalik semula	(445)	5,880	-	-
	-----	-----	-----	-----
Cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan	32,183	10,865	50,581	41,267
	=====	=====	=====	=====

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

12. Cukai pendapatan (Sambungan)

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dengan keuntungan perakaunan

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dengan produk keuntungan perakaunan didarab dengan kadar cukai korporat bagi tahun-tahun berakhir 31 Disember 2012 dan 2011 adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012	2011	2012	2011
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan sebelum cukai	178,571	181,575	230,115	164,084
	=====	=====	=====	=====
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia pada 25% (2011: 25%)	44,643	45,394	57,529	41,021
Pelarasan:				
Perbelanjaan tidak dibenarkan	4,027	2,096	607	235
Kesan pendapatan yang tidak dikenakan cukai	-	-	(7,556)	-
Tuntutan pembayaran balik tahun sebelumnya elaun cukai pelaburan bagi Projek Perkhidmatan Diluluskan (PPL)	-	(33,487)	-	-
Kurang peruntukan pada tahun sebelumnya	10	3,442	-	-
Penggunaan elaun cukai pelaburan Projek Perkhidmatan Diluluskan (PPL) bagi tahun semasa	(12,850)	(4,278)	-	-
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf	(3,647)	(2,302)	1	11
	=====	=====	=====	=====
Cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan	32,183	10,865	50,581	41,267
	=====	=====	=====	=====

13. Pendapatan Sesaham

(a) Asas

Pendapatan sesaham asas Kumpulan dikira dengan membahagikan keuntungan bagi tahun dengan bilangan saham biasa yang diterbitkan sepanjang tahun kewangan.

	Kumpulan	
	2012	2011
Keuntungan bersih cukai (RM'000)	146,388	170,710
Bilangan saham biasa yang diterbitkan ('000)	400,000	400,000
Pendapatan asas sesaham (sen)	36.60	42.68
	=====	=====

(b) Kecairan

Tidak terdapat kecairan dalam pendapatan sesaham.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

14. Dividen

	Dividen berhubung tahun		Dividen Diiktiraf dalam tahun	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Diiktiraf pada tahun:				
Dividen akhir setingkat bagi 2010				
- 7.50 sen sesaham	-	-	-	30,000
Dividen khas setingkat bagi 2010				
- 7.50 sen sesaham	-	-	-	30,000
Dividen interim setingkat bagi 2011				
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	-	30,000
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	-	30,000
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	-	30,000
Dividen akhir setingkat bagi 2011				
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	30,000	-
Dividen khas setingkat bagi 2011				
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	30,000	-
Dividend interim setingkat bagi 2012				
- 7.50 sen sesaham	30,000	-	30,000	-
- 7.50 sen sesaham	30,000	-	30,000	-
- 7.50 sen sesaham	30,000	-	30,000	-
	-----	-----	-----	-----
	90,000	150,000	150,000	150,000
	=====	=====	=====	=====

Para pengarah mencadang pembayaran dividen akhir setingkat sebanyak 7.50 sen sesaham ke atas 400,000,000 saham biasa, yang berjumlah RM30,000,000 dimana, jika dilulus oleh ahli-ahli pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang, akan dibayar pada 31 Mei 2013 kepada para pemegang saham yang berdaftar sebagai ahli pada penutupan perniagaan 17 Mei 2013. Penyata kewangan bagi tahun semasa tidak menggambarkan dividen yang dicadangkan. Dividen tersebut, jika dipersetujui oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti sebagai agihan ke atas keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

15. Hartanah, loji dan peralatan

	Bangunan dan Struktur RM'000	Kemudahan Bulking RM'000	Loji dan Peralatan RM'000	Kenderaan Bermotor RM'000	Perabot, Kelengkapan dan Peralatan Pejabat RM'000	Kapal pelaksanaan RM'000	Modal Kerja dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan								
Kos:								
Pada 1 Januari 2011								
seperti yang telah dinyatakan	490,791	112,208	166,540	6,290	19,990	134,179	13,559	943,557
Kesan daripada menerima pakai IC 12	(475,034)	-	-	-	-	-	-	(475,034)
Seperti yang dinyatakan semula	15,757	112,208	166,540	6,290	19,990	134,179	13,559	468,523
Tambahan	-	-	6,196	1,273	697	996	15,498	24,660
Pelupusan	-	-	(1,581)	(581)	(2,314)	(384)	-	(4,860)
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	(1,690)	(1,690)
Hapuskira	-	-	-	-	-	-	(33)	(33)
Pada 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2012	15,757	112,208	171,155	6,982	18,373	134,791	27,334	486,600
Tambahan	45	-	72,834	772	1,775	3,630	73,685	152,741
Pelupusan	-	-	(4,046)	(179)	-	(21,045)	-	(25,270)
Pemindahan daripada modal kerja dalam pelaksanaan	209	8,151	5,625	226	-	-	(14,211)	-
Dikelaskan semula kepada aset tak ketara	-	-	-	-	(2,748)	-	(111)	(2,859)
Hapuskira	-	-	-	(93)	-	-	-	(93)
Pada 31 Disember 2012	16,011	120,359	245,568	7,708	17,400	117,376	86,697	611,119

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

15. Hartanah, loji dan peralatan (Sambungan)

	Bangunan dan Struktur RM'000	Kemudahan Bulking RM'000	Loji dan Peralatan RM'000	Perabot, Kelengkapan dan Peralatan RM'000			Kapal pelaksanaan RM'000	Modal Kerja dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
				Kenderaan Bermotor RM'000	Peralatan RM'000	Pejabat RM'000			
Kumpulan									
Susutnilai terkumpul:									
Pada 1 Januari 2011	134,848	16,311	95,299	3,549	14,020		48,920	-	312,947
seperti yang telah dinyatakan Kesan daripada menerima pakai IC 12	(131,856)	-	-	-	-	-	-	-	(131,856)
Seperti yang dinyatakan semula	2,992	16,311	95,299	3,549	14,020		48,920	-	181,091
Caj bagi tahun	630	4,489	9,345	440	988		3,452	-	19,344
Pelupusan	-	-	(1,582)	(472)	(2,314)		(347)	-	(4,715)
Pada 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2012	3,622	20,800	103,062	3,517	12,694		52,025	-	195,720
Caj bagi tahun	637	4,706	15,999	727	1,053		3,763	-	26,885
Pelupusan	-	-	(3,940)	(150)	-		(21,045)	-	(25,135)
Dikelaskan semula kepada aset tak ketara	-	-	-	-	(1,974)		-	-	(1,974)
Hapuskira	-	-	-	(93)	-		-	-	(93)
Pada 31 Disember 2012	4,259	25,506	115,121	4,001	11,773		34,743	-	195,403

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

15. Hartanah, loji dan peralatan (Sambungan)

Kumpulan	Bangunan dan Struktur RM'000	Kemudahan Bulking RM'000	Loji dan Peralatan RM'000	Perabot, Kelengkapan dan Peralatan Pejabat RM'000			Kapal pelaksanaan RM'000	Modal Kerja dalam RM'000	Jumlah RM'000
				Kenderaan Bermotor RM'000					
Amaun bawaan bersih:									
Pada 31 Disember 2011	12,135	91,408	68,093	3,465	5,679		82,766	27,334	290,880
	=====	=====	=====	=====	=====		=====	=====	=====
Pada 31 Disember 2012	11,752	94,853	130,447	3,707	5,627		82,633	86,697	415,716
	=====	=====	=====	=====	=====		=====	=====	=====

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

15. Hartanah, loji dan peralatan (Sambungan)

Syarikat	Perabot, Kelengkapan dan		Total RM'000
	Kenderaan Bermotor RM'000	Peralatan Pejabat RM'000	
Kos:			
Pada 1 Januari 2010 dan 31 Disember 2011	177	20	197
Tambahan	-	90	90
	-----	-----	-----
Pada 31 Disember 2012	177	110	287
	-----	-----	-----
Susutnilai terkumpul:			
Pada 1 Januari 2011	30	9	39
Caj bagi tahun	21	2	23
	-----	-----	-----
Pada 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2012	51	11	62
Caj bagi tahun	21	8	29
	-----	-----	-----
Pada 31 Disember 2012	72	19	91
	-----	-----	-----
Amaun bawaan bersih:			
Pada 31 Disember 2011	126	9	135
	-----	-----	-----
Pada 31 Disember 2012	105	91	196
	-----	-----	-----

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

16. Pelaburan dalam subsidiari

	Syarikat	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Saham tidak disebut dalam Malaysia, pada kos	440,000	340,000
	=====	=====

Nama syarikat	Aktiviti-aktiviti utama	Bahagian Kepentingan Pemilikan	
		2012 %	2011 %
Dipegang oleh Syarikat:			
Bintulu Port Sdn. Bhd.	Memberi perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak	100	100
Biport Bulkurs Sdn. Bhd.	Menjalankan perniagaan kemudahan bulking bagi minyak kelapa sawit, minyak makan, minyak sayuran, lemak dan produk-produk yang berkaitan	100	100
Samalaju Industrial Port Sdn. Bhd. (Dahulunya dikenali sebagai BPSB Management Sdn. Bhd.)	Pembangunan dan memberi perkhidmatan di Pelabuhan Samalaju, Bintulu, Sarawak	100	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

16. Pelaburan dalam subsidiari (Sambungan)

Pengambilalihan Samalaju Industrial Port Sdn. Bhd. (Dahulunya dikenali sebagai BPSB Management Sdn. Bhd.)

Pada 27 Ogos 2012, Syarikat telah mengambilalih 100% kepentingan saham dalam Samalaju Industrial Port Sdn. Bhd. (Dahulunya dikenali sebagai BPSB Management Sdn. Bhd.), sebuah syarikat tidak disenarai yang diperbadankan di Malaysia.

Nilai saksama aset dan liabiliti Samalaju Industrial Port Sdn. Bhd. (Dahulunya dikenali sebagai BPSB Management Sdn. Bhd.) yang dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan adalah:

	Amaun bawaan pengambilalih RM'000
Tunai dan baki di bank	100,000

Lain-lain penghutang	(15)

Pembahagian aset bersih Kumpulan	99,985
Muhibah atas pengambilalihan (Nota 17)	15

